

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD  
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD  
[ KUALA KANGSAR ]**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-Il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kadar pembahagian ke atas penemuan harta karun atau artifak lama dan isu-isu hak pemilikannya. Apakah usaha-usaha dan insentif yang ada kepada usaha-usaha eksplorasi dan penemuan serta perkara-perkara yang berkaitan dengan penilaiannya.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Seksyen 86(1), Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah menetapkan bahawa tiada seorang pun boleh menggali mana-mana tanah bagi maksud menjumpai objek melainkan jika dia memegang suatu lesen yang diberikan oleh Pesuruhjaya.

Seksyen 48(1), Akta yang sama telah menetapkan bahawa mana-mana objek yang dijumpai selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah menjadi harta mutlak Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun sekiranya harta karun dijumpai, Perkara 74, Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa pemilikan harta karun terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Penemuan apa-apa objek yang tidak melibatkan harta karun boleh diberikan pampasan mengikut peruntukan Seksyen 48(1) dan (2), Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Sekian, terima kasih.